

# UPM raih kedudukan 49 universiti terbaik Asia

**KUALA LUMPUR 14 Jun** - Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mengharumkan nama negara apabila meraih kedudukan ke-49 universiti terbaik Asia dalam penarafan QS University Ranking 2016.

UPM membuat lonjakan tertinggi antara universiti dalam negara yang menduduki di antara 100 universiti terbaik Asia dengan peningkatan 17 tangga.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin

Paduka Dr. Aini Ideris berkata, UPM berjaya berada pada kedudukan kedua terbaik Malaysia, tempat kelima terbaik Asia Tenggara dan mencatat peningkatan dalam penarafan buat tahun ketiga berturut-turut sejak 2014.

“Pencapaian memberangsangkan ini melangkaui sasaran awal yang ditetapkan iaitu mendapat pengiktirafan ke-60 terbaik Asia.

“Dengan lonjakan 17 tangga berbanding tempat ke-66 pada

tahun lepas, sekali gus meningkatkan kualiti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan UPM,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis Berbuka Puasa Bersama Media di L’Apparenti, UPM, Serdang dekat sini hari ini.

Aini berharap kecemerlangan UPM dapat memberi sumbangan bermakna kepada kesejahteraan masyarakat dan negara.